



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**IMPLIKASI SELFIE DALAM KONTEKS
PERKEMBANGAN SELF-PORTRAIT**

Jani Joseph

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keupujian
(Seni Halus)
2015**

SELFIE IMPLICATION IN CONTEXTS OF SELF-PORTRAIT DEVELOPMENT

JANI JOSEPH

This project is submitted in partial fulfillment of
the requirements for the degree of Bachelor of Applied Arts with Honours
(Fine Arts)

Faculty of Applied and Creative Arts
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2015

IMPLIKASI SELFIE DALAM KONTEKS PERKEMBANGAN SELF-PORTRAIT

JANI JOSEPH

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2015

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/ LAPORAN

JUDUL: IMPLIKASI SELFIE DALAM KONTEKS PERKEMBANGAN SELF-
PORTRAIT

SESI PENGAJIAN : 2014 / 2015

Saya

JANI JOSEPH

mengaku membenarkan tesis/ Laporan * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh:

Tandatangan Penyelia

Tarikh:

Alamat Tetap:

.....
.....
.....

Catatan: *Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
*Jika Tesis/ Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk 'Implikasi Selfie Dalam Perkembangan Self-Portrait' telah disediakan oleh Jani Joseph dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Seni Halus.

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Pn. Siti Shahida Binti Kamel)

Tarikh:

The project entitled ‘ Selfie Implication In Contexts Of Self-Portrait Development’ was prepared by Jani Joseph and submitted to the Faculty of Applied and Creative Arts in partial fulfillment of the requirements for a Bachelor of Applied Arts with Honours Fine Arts.

Received for examination by:

(Mdm. Siti Shahida Binti Kamel)

Date:

PENGHARGAAN

Puji dan syukur kepada Tuhan yang Mahakuasa atas limpah kurnianya sehingga penulisan ini berjaya diselesaikan dengan baik. Dalam penulisan ini saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses kajian, pengadaptasian dan penulisan laporan ilmiah penyelidikan ini dijalankan.

Ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia penyelidikan Puan Shahida bt. Kamel di atas dorongan dan kesabaran beliau dalam membantu proses penulisan ilmiah mahupun penghasilan karya sepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan. Sememangnya tanpa dorongan, teguran, bantuan dan kesabaran beliau laporan ilmiah penyelidikan tahun akhir ini tidak akan berjaya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada para pensyarah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif di atas dorongan dan bantuan untuk memperbaiki mutu dan kualiti persembahan karya akhir sepanjang proses penghasilan dan penilaian dijalankan.

Akhir sekali, saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah banyak membantu dalam proses penghasilan karya akhir dan penulisan ilmiah ini. Saya berharap dengan adanya penulisan ilmiah ini, ia akan dapat membantu para ilmuwan dan masyarakat sekeliling untuk meneliti dan mendalami matlamat kajian yang dijalankan ini.

JADUAL KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Borang Pengesahan Status Thesis / Laporan	I
Tandatangan dan Pengesahan Penyelia	II
Penghargaan	IV
Jadual Kandungan	V
Senarai Figura	XIII
Abstrak	XIV - XV
Bab 1: Pengenalan	
1.1 Pengenalan	1 - 3
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	5 - 8
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Matlamat Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Skop Kajian	11
1.9 Kesimpulan	11
Bab 2: Sorotan Kajian	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Teori dan Kajian Lepas <i>Selfie</i>	12 - 17
2.3 Kronologi Perkembangan <i>Selfie</i>	17 - 18
2.4 Karya Catan dan Fotografi <i>Self-Portrait</i>	18 - 22
2.5 Karya <i>Selfie</i>	22 - 24
Bab 3: Kaedah Penyelidikan	
3.1 Pengenalan	25
3.2 Kaedah Pengumpulan Data	26
3.2.1 Pemerhatian	26
3.2.2 Rujukan Internet	26
3.2.3 Rujukan Buku	27- 28
3.2.4 Kaedah Persampelan	28
3.2.5 Kaedah Eksperimentasi	28
3.3 Kesimpulan	28
Bab 4: Analisa Data	
4.1 Pengenalan	29
4.2 Hasil Dapatan Kajian	
4.2.1 Implikasi Positif Fenomena <i>Selfie</i>	30 - 32
4.2.2 Implikasi Negatif Fenomena <i>Selfie</i>	33 - 35
4.2.3 Analisa Imej <i>Selfie</i> Mengikut Jenis Interpretasi	35 - 41
4.3 Eksperimentasi	42 - 43
4.4 Penghasilan Karya Akhir	44 - 55
4.5 Penjelasan Hasil Karya	56
Bab 5: Kesimpulan	57 - 59
Bibliografi	60 - 62

SENARAI FIGURA

PERKARA	MUKA SURAT
<p>Figura 1: Koleksi <i>self-portrait</i> oleh Parmigianino yang telah dihasilkan oleh parmigianino pada tahun 1523 menggunakan cat minyak di atas cermin convex. Karya ini dipercayai <i>selfie</i> pertama yang dihasilkan dalam bentuk catan.</p>	2
<p>Figura 2 : Koleksi <i>self-portrait</i> Robert Cornelius yang dirakamnya sendiri pada tahun 1839. Beliau telah merakam gambar ini dengan menggunakan kamera dan teknik Daguerreotype. <i>Self-portrait</i> ini juga dipercayai sebagai gambar <i>selfie</i> yang pertama dalam bentuk fotografi.</p>	3
<p>Figura 3: Karya catan potret Monalisa ini merupakan karya yang telah dihasilkan oleh Leonardo Da Vinci pada tahun 1503 atau di antara 1506-1517. Karya ini dihasilkan dengan menggunakan cat minyak di atas poplar. Potret ini juga masih hangat diperkatakan sehingga hari ini kerana ia merupakan sebuah karya yang penuh misteri.</p>	18
<p>Figura 4: Karya "<i>self-portrait with Thorn Neclace and Hummingbird</i>" merupakan sebuah karya yang telah dihasilkan oleh Frida Kahlo pada tahun 1940 dengan menggunakan cat minyak di atas kanvas. Frida Kahlo merupakan artis wanita yang melukis potretnya sendiri seperti seorang lelaki dan berlatarbelakangkan imej tumbuhan dan haiwan untuk menyampaikan liku-liku kehidupan dan penderitaan yang dialaminya.</p>	19
<p>Figura 5 : Karya <i>self-portrait</i> ini merupakan sebuah karya yang dihasilkan oleh Rembrant Harmenszoon Van Rijn pada tahun 1640 menggunakan cat minyak di atas canvas. Beliau telah melukis potret dirinya sendiri dalam jumlah hampir 100 buah dan kesemua lukisan potret dirinya adalah berteraskan semangat individu, ekspresi emosi yang mendalam dan berkualiti.</p>	19

<p>Figura 6: Karya <i>self-portrait</i> ini telah dihasilkan oleh Vincent Van Gogh pada tahun 1889 menggunakan cat minyak di atas kanvas. Beliau telah menghasilkan lukisan potretnya sebanyak 30 buah dengan stail yang tersendiri. Beliau menghasilkan <i>self-portrait</i> sendiri dengan menggunakan kaedah introspeksi dan kaedah mencari kewangan kerana kekurangan kewangan menyebabkan beliau sukar untuk mendapatkan model. Melalui karya <i>self-portrait</i> yang dihasilkannya, beliau memfokuskan kepada kajian warna dan latihan untuk meningkatkan tahap kemahirannya sebagai seorang artis seni lukis.</p>	<p>20</p>
<p>Figura 7: Karya <i>self-portrait</i> dalam bentuk fotografi oleh Man Ray pada tahun 1932 menggunakan medium solarized gelatin silver print. Karya ini dilihat seakan-akan Man Ray sedang menyesuaikan jarak fokal kamera di hadapannya seperti sedang berada dalam sesi fotografi potret. Sentuhan tangan Man Ray pada <i>focusing ring</i> kamera adalah peringatan kepada manusia dalam kesenian untuk menggunakan pendekatan lebih banyak kaedah secara tidak sengaja.</p>	<p>20</p>
<p>Figura 8: Karya “<i>self-portrait in drag</i>” merupakan sebuah karya potret dalam fotografi yang telah dihasilkan oleh Andy Warhol pada tahun 1928-1987 dengan menggunakan medium cetakan <i>polaroid dye diffusion</i>. Karya ini merupakan satu idea daripada minat beliau memakai pakaian parties in drag dan kadang-kadang pakaian yang direkanya sendiri. Beliau juga mengagumi kanak-kanak lelaki yang menghabiskan masa hidupnya untuk menjadi kanak-kanak perempuan yang lengkap.</p>	<p>21</p>
<p>Figura 9: Karya <i>self-portrait</i> ini merupakan satu hasil karya potrait yang dihasilkan oleh Mohamad Hoessain Enas pada tahun 1958 dengan menggunakan medium pastel di atas kertas. Beliau merupakan seorang ahli angkatan pelukis semenanjung dan digelar bapa lukisan potret malaysia. Karya potret beliau ini dipengaruhi oleh teknik pencahayaan yang diaplikasikan oleh artis seni eropah yang beraliran realisma iaitu Rembrant Dan Veermer.</p>	<p>21</p>

<p>Figura 10: Karya javanese girl (gadis melayu) ini merupakan hasil lukisan potret oleh Muhamad Hoessain Enas yang dihasilkan pada tahun 1953 dengan menggunakan cat minyak di atas kanvas. Hoessain Enas ingin meneroka ketenangan dan emosi kehidupan yang tersembunyi dalam diri gadis tersebut melalui hasil seni dan gadis ini dikenali sebagai gadis jawa kerana dilihat memiliki palam telinga yang tersendiri dan dalam keadaan berkemban. Gadis ini juga digambarkan sebagai Johannes Vermeer kerana subang telinga mutiara yang dipakainya.</p>	22
<p>Figura 11: Karya seni video pemasangan <i>selfie</i> ini adalah sebuah karya yang telah dihasilkan oleh Angela Washko pada tahun 2013. Karya ini menumpukan kepada kekuatan video dan <i>self-portrait</i> untuk menunjukkan prestasi dalam latihan studio beliau. Dalam masa yang sama ia adalah sebuah karya kritikan terhadap keadaan semasa dan satu keadaan bagaimana beliau berdiri untuk menentang daya tarikan budaya media massa dan prejudis terhadap <i>selfie</i>.</p>	22
<p>Figura 12: Subjek lukisan ini bukan sahaja mengenai <i>self-portrait</i> tetapi juga berperanan sebagai gambar <i>selfie</i> dalam budaya kamera digital pada masa kini. 'Selfies' sering dipaparkan di laman sesawang media sosial yang mempunyai tujuan dan kehendak yang tersendiri iaitu satu tindakan penyampaian imej diri sendiri dengan memuji-muji diri untuk mengurus dan memanipulasi identiti dalam talian seseorang. Grid asas imej ini mewakili kod QR - kod bar berdasarkan piksel digunakan untuk menghubungkan telefon pintar ke laman sesawang. Peranti grafik digunakan untuk merujuk apa yang dilihat sebagai harapan kepada artis untuk menonjolkan diri dan karya seni mereka sebagai 'jenama' yang dikenali.</p>	22
<p>Figura 13: Karya ini telah dihasilkan oleh Roman Kramsztyk pada tahun 2015 dengan merakam gambar tangan kanannya di hadapan lukisan "portrait of Mr. B" di National Gallery of Denmark, Copenhagen. Roman Kramsztyk merakam gambar potret ini hanya untuk suka-suka dan beliau berpendapat bahawa karya ini adalah sangat unik sekaligus beliau berminat untuk menggunakan teknik ini kerana bagi beliau perkara mudah yang dilakukan ini mampu menukar watak dan</p>	23

<p>ekspresi wajah yang memberi potret tersebut satu makna baru dalam pegkaryaan seni potret</p>	
<p>Figura 14: Karya “<i>self-portrait as a Drowned man (The Willows)</i>” ini telah dihasilkan oleh Jeremy Millar pada tahun 2011 menggunakan bahan silikon, gentian kaca, rambut palsu, pakaian dan bahan -bahan media campuran. Karya ini telah dipersembahkan secara pemasangan. Penghasilan karya ini dilihat sebagai himpunan dua karya <i>self-portrait</i> sebelum ini iaitu <i>self-portrait as a drowned man</i> pada tahun 1840 oleh Hippolyte Bayard dan karya <i>The Willows</i> pada tahun 1907 yang merupakan sebuah cerita pendek oleh Algernon Blackwood. Dalam karya ini seseorang didapati sedang lemas dan ditandakan dengan lekuk kecil berbentuk corong yang sangat mengerikan seolah-olah dibuat oleh makhluk halus yang tidak diketahui. Nama imej Bayard yang dipaparkan dalam karya ini yang merupakan identiti mangsa yang malang dianggap oleh sesetengah pakar seni fotografi sebagai satu konsep seni fotografi yang pertama kali dilakukan oleh pengkarya.</p>	<p style="text-align: center;">24</p>
<p>Figura 15 : Koleksi gambar <i>selfie</i>, Presiden Amerika Barack Obama bersama dengan perdana menteri Malaysia Datuk Seri Najib Bin Abdul Razak semasa siri lawatan rasmi beliau ke malaysia. Melalui gambar ini, kita dapat melihat dan menginterpretasikan satu hubungan positif antara kedua-dua pemimpin yang boleh membawa kepada kejayaan dalam kerjasama kedua-dua pihak dalam bidang politik, ekonomi mahupun sosial.</p>	<p style="text-align: center;">38</p>
<p>Figura 16 : Interpretasi <i>selfie</i> yang positif yang telah dilakukan oleh Ellen Degeneres dengan melakukan satu aksi dengan menarik sebanyak mungkin selebriti untuk mengambil gambar <i>selfie</i> bersama semasa melakukan tugasannya sebagai pengacara oscar pada tahun 2014 dan beliau telah berjaya menarik selebriti seperti Jennifer Lawrence, Channing Tatum, Julia Roberts, Kevin Spacey, Brad Pitt, Lupita Nyong’o ,Angelina Jolie, Bradley Cooper, Meryl Streep dan Jared Leto kemudian beliau memuat naik gambar tersebut ke dalam laman twitternya dan menjadi topik hangat semua pihak.</p>	<p style="text-align: center;">38</p>

<p>Figura 17 : Antara koleksi <i>selfie</i> Kim Kardashian yang telah menjadi bualan hangat pelbagai pihak di seluruh dunia apabila beliau mengambil gambar <i>selfie</i> dalam keadaan bogel kerana didorong oleh perasaan extreme positif untuk membuktikan dirinya mengandung anak keduanya dan sikap yakin terhadap dirinya sendiri melebihi pandangan orang lain terhadap tindakannya.</p>	39
<p>Figura 18 : Koleksi <i>selfie</i> selebriti James Franco yang menjadi kontroversi namun begitu beliau telah menjawab semua persoalan dengan mengatakan bahawa terdapat pelbagai sebab mengapa beliau memuat naik gambar <i>selfie</i> ini kerana beliau percaya <i>selfie</i> adalah pengantara imej kedua atau avatar bagi diri seseorang dan agen penyampaian personaliti mengenai siapa diri kita yang sebenar.</p>	39
<p>Figura 19 : Satu kenyataan dan kecaman daripada media dan orang awam terhadap tingkah laku negatif Presiden Barack Obama, Perdana Menteri British David Cameron dan Perdana Menteri Denmark Helle Thorning Schmidt yang mengambil gambar <i>selfie</i> bersama sambil tersenyum riang semasa menghadiri majlis hari memperingati kematian Mandela.</p>	40
<p>Figura 20 : Kejadian malang yang menimpa sebuah keluarga ketika pulang dari merayakan perayaan hari raya aidiladha berakhir dengan tragedi kemalangan jalan raya di Ipoh, Perak dekat jalan singkat utara-selatan selepas terowong menora pada bulan oktober 2014. Kejadian ini dipercayai berlaku akibat leka mengambil gambar <i>selfie</i> semasa dalam perjalanan.</p>	40
<p>Figura 21 : Ilustrasi <i>selfie</i> presiden barack obama dan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Bin Tun Abdul Razak oleh akhbar harian China yang menyelar tindakan mereka mengambil gambar <i>selfie</i> bersama semasa masih dalam kejadian kehilangan MH370 seperti mempersendakan kejadian itu dan tidak serius dalam melaksanakan tanggungjawab mencari kapal terbang tersebut.</p>	41

Figura 22 : Eksperimentasi kesan warna dalam aplikasi instamag	42
Figura 23 Koleksi gambar asal <i>selfie</i> oleh Carolyn Ak. Utum	42
Figura 24 Eksperimentasi <i>filter magic skin-glossy</i> dalam <i>camera360 ultimate</i>	42
Figura 25 Eksperimentasi <i>filter magic skin-sexy lips</i> dalam <i>camera360 ultimate</i>	43
Figura 26 Eksperimentasi <i>filter featured-velvia</i> dalam <i>camera360 ultimate</i>	43
Figura 27 Eksperimentasi <i>filter portrait: faceshape-slimming</i> dalam <i>camera 360 ultimate</i>	43
Figura 28 Eksperimentasi <i>filter :skin- smooth, whiten dan tone</i> dalam <i>camera 360 ultimate</i>	43
Figura 29: <i>Adobe photoshop cs6 tools dan filters</i>	46
Figura 30 : Teknik <i>selection</i> menggunakan <i>pen tools</i> merupakan kaedah yang digunakan untuk memilih bahagian potret yang diperlukan untuk menghasilkan karya.	47

<p>Figura 31 : Selepas selesai menyambungkan titik untuk membuat pilihan, tanda <i>enter</i> pada <i>keyboard</i> ditekan dan kita akan dapat melihat ruang garisan untuk pilihan</p>	<p>47</p>
<p>Figura 32 : Selepas proses pemilihan dibuat maka <i>keyboard delete</i> ditekan untuk memadamkan latar belakang dan hanya potret yang kelihatan. Seterusnya hasil daripada proses ini perlu disimpan dalam bentuk format imej png untuk memudahkan proses manipulasi dilakukan.</p>	<p>48</p>
<p>Figura 33 : Seterusnya ialah proses manipulasi pada bahagian mimik muka yang menggunakan aplikasi <i>liquify</i> dalam perisian <i>adobe photoshop</i>. Setiap perubahan mimik muka yang dilakukan akan disimpan dalam format imej png untuk digunakan semasa proses membuat <i>footage video still image motion</i>. Di dalam aplikasi <i>liquify</i> ini, <i>tool</i> yang paling banyak digunakan ialah <i>forward wrap tool</i> kerana ia sangat mudah untuk digunakan bagi mengubah mimik muka.</p>	<p>48</p>
<p>Figura 34 : Contoh proses atau kesan penggunaan <i>forward move tool</i> dalam aplikasi <i>liquify</i> yang mana ia boleh digunakan untuk mengubah kedudukan kening atau mana-mana bahagian kulit muka dalam imej yang dipilih.</p>	<p>49</p>
<p>Figura 35 : Imej yang dipaparkan ini merupakan hasil manipulasi yang telah selesai dilakukan terhadap subjek kajian. Yang mana potret Vincent Van Goh kini mempunyai pelbagai mimik muka dalam potretnya.</p>	<p>49</p>
<p>Figura 36: <i>Adobe photoshop cs6 – paparan setting motion</i></p>	<p>50</p>
<p>Figura 37 : Imej yang telah dimanipulasikan disusun mengikut nombor pergerakan</p>	<p>50</p>

Figura 38 : Proses terakhir <i>render video</i> pada <i>adobe photoshop cs6</i>	51
Figura 39 : <i>Adobe premiere pro cs6</i> untuk <i>render video</i> projek secara keseluruhan	51
Figura 40 : Lakaran digital contoh kaedah persembahan 1	52
Figura 41 : Lakaran digital contoh kaedah persembahan 2	52
Figura 42 : Lakaran digital contoh kaedah persembahan 3	52
Figura 43 : Kaedah persembahan sampel pra-karya	53
Figura 44 : Sampel video pra-karya	53
Figura 45 : Kaedah persembahan karya akhir	54
Figura 46 : Sampel video karya akhir	55

ABSTRAK

Selfie adalah satu gambar yang diambil sendiri oleh individu dengan menggunakan telepon pintar atau webcam dan dimuat naik ke laman web media sosial. Kepesatan perkembangan teknologi kamera telefon pintar, aplikasi android dan laman sosial telah memberikan implikasi positif dan negatif terhadap perkembangan *Selfie* dalam konteks *Self-Portrait*.

ABSTRACT

Selfie is a photograph taken by an individual using a smartphone or webcam and uploaded to social media. The rapidity in technology development of smartphone camera, android application and social web contribute positive and negative implications towards Selfie development in term of self portrait context.

BAB 1

PENGENALAN

Self-Portrait itu adakalanya potret seseorang artis yang dihasilkan dengan pelbagai kaedah sama ada secara lakaran, catan, fotografi atau arca oleh artis itu sendiri. Kebanyakan artis mengatakan bahawa potret diri harus mempunyai elemen yang memperlihatkan spesifikasi seseorang individu termasuk mereka sendiri, catan figura dalam keagamaan atau apa sahaja jenis komposisi potret diri.

Pengkritik seni Galina Vasilyeva-Shlyapina memisahkan dua bentuk asas *self-portrait* iaitu potret profesional dimana gambaran tersebut merupakan artis yang sedang bekerja dan potret peribadi yang menggambarkan nilai moral serta ciri-ciri fizikal. Beliau juga mengatakan beberapa “*taxonomy*” yang lebih terperinci seperti “*insertable self-portrait*” yang menerangkan artis tersebut memasukkan potret sendiri ke dalam kumpulan karakter yang berkaitan dengan beberapa subjek, “*symbolic self-portrait*” menjelaskan artis tersebut menggambarkan wajah sendiri membentuk personaliti yang memiliki identiti bersejarah. Selain itu, “*group portrait*” menceritakan gambaran artis tersebut bersama ahli keluarga atau orang sekeliling. Seterusnya, “*separate or natural self-portrait*” menunjukkan artis tersebut digambarkan bersendirian.

Selfie adalah satu gambar yang diambil sendiri oleh individu dengan menggunakan telefon pintar atau *webcam* dan dimuat naik ke laman media sosial. (Oxford Dictionary, 2013). Fenomena *Selfie* ini adalah satu kesinambungan daripada penghasilan gambar potret sama ada dalam bentuk catan, arca atau fotografi. Konsep mudah, ringkas dan menyeronokkan yang dibawa oleh fenomena ini telah

membawa kepada banyak perubahan dalam pelbagai situasi masyarakat dalam era perkembangan sejarah potret diri pada masa kini.

Berdasarkan kepada kajian awal mengenai sejarah kemunculan *Selfie*, para pengkaji percaya bahawa catan potret oleh Parmigianino pada tahun 1523 adalah *Selfie* terawal dalam bentuk catan yang dilukis dalam cermin cembung. Pada tahun 1839 pula, gambar potret Robert Cornelius pula dipercayai bahawa ia adalah *Selfie* terawal dalam bentuk fotografi.




Figura 1: Koleksi *self-portrait* oleh Parmigianino yang telah dihasilkan oleh Parmigianino pada tahun 1523 menggunakan cat minyak di atas cermin convex. Karya ini dipercayai *Selfie* pertama yang dihasilkan dalam bentuk catan.



FIGURA 2

Tajuk : Self-Portrait
Artis :Robert Cornelius
Tahun : 1839
Medium : Fotografi / Daguerreotype

Figura 2 : Koleksi *self-portrait* Robert Cornelius yang dirakamnya sendiri pada tahun 1839. Beliau telah merakam gambar ini dengan menggunakan kamera dan teknik *Daguerreotype*. *Self-portrait* ini juga dipercayai sebagai gambar *Selfie* yang pertama dalam bentuk fotografi.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Latar belakang kajian ini tertumpu kepada implikasi yang berlaku akibat daripada fenomena *Selfie* yang merangkumi implikasi positif dan negatif dengan skala 30:70. Kajian berskala 30 peratus bagi implikasi positif dan 70 peratus bagi implikasi negatif merupakan satu skala yang dirancang bertujuan untuk mendapatkan kesahihan data dan untuk mencapai objektif kajian yang dilakukan. Kajian yang akan dilaksanakan adalah tertakluk kepada beberapa skop limitasi kajian yang dikaji iaitu *Self-Portrait* dalam bentuk catan dan fotografi sahaja.

Dalam melaksanakan kajian ini, penggunaan sumber internet lebih banyak digunakan dalam mendapatkan maklumat dan data sepanjang kajian ini dijalankan memandangkan buku mengenai *Selfie* adalah sangat terhad tambahan pula fenomena ini masih baru. Kajian ini juga akan melibatkan analisa terhadap imej-imej yang dirakam oleh individu atau kumpulan yang dimuat naik di laman media sosial memandangkan laman ini adalah satu medium penyampaian dan perkongsian yang sangat popular digunakan.

Kajian yang dilakukan akan mengkaji maklumat berkaitan mengikut skala yang ditetapkan dan memfokuskan kepada implikasi positif dan negatif pengambilan gambar *Selfie* sahaja. Pada akhir kajian ini, segala maklumat dan data yang diperolehi akan diterjemahkan ke dalam karya akhir yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan menggunakan teknologi dan media sosial dengan lebih berhemah.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Penggunaan aplikasi kamera telefon pintar dan media sosial sebagai medium persembahan *Selfie* telah membawa kepada satu perubahan drastik dalam perkembangan ideologi fotografi *Self-Portrait*. Perubahan interpretasi dari positif kepada ekstrem positif menjadikan fenomena ini menghadapi masalah dan bertukar menjadi negatif yang disebabkan oleh perbezaan persepsi, amalan, pemahaman, tujuan, kecenderungan individu dalam mengambil gambar *Selfie* dan tabiat memuat naik gambar *selfie* di media sosial. Kenyataan ini disokong oleh dapatan kajian yang dilakukan oleh California State University bahawa penggunaan media sosial yang melampau mungkin berhubung kait dengan penyakit jiwa iaitu “*Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*”, “*Narcissistic Personality Disorder (NPD)*”, “*Body Dysmorphia*”, “*Depression*”, dan “*Hypochondriasis*”.

“*Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*” adalah penyakit yang disebabkan oleh beberapa tanda seperti tidak dapat memberi tumpuan, hiperaktif dan impulsif. Ia sering berlaku dalam lingkungan zaman kanak-kanak. Penyakit ini kemudiannya memberi kesan kepada kognitif, akademik, fungsi tingkah laku, emosi dan sosial kanak-kanak, dan keadaan akan terus berlanjutan ke alam dewasa.

“*Narcissistic Personality Disorder (NPD)*” pula merupakan sesuatu penyakit yang mempunyai tanda-tanda seperti cinta kepada diri sendiri, menidakkan kepentingan dan kelebihan orang lain. Penyakit ini juga dikaitkan dengan pengiktirafan melampau terhadap diri sendiri sehingga tidak mahu mengenal orang lain.

“*Body Dysmorphia (BDD)*” adalah gangguan kebimbangan yang menyebabkan seseorang mempunyai pemikiran yang menyimpang tentang bagaimana mereka melihat diri sendiri sehingga banyak masa dihabiskan kerana bimbang tentang penampilan mereka.

“*Depression*” adalah gangguan “*mood*” yang menyebabkan perasaan sedih yang berterusan, kehilangan minat dan mempunyai masalah untuk melakukan aktiviti harian. Kemurungan boleh membuat seseorang merasa seolah-olah hidup tidak bernilai.

“*Hypochondriasis*” adalah gangguan “*somatoform*” yang menyebabkan seseorang mempunyai perasaan mengenai keprihatinan tentang idea bahawa seseorang itu percaya ia mempunyai penyakit yang serius atau takut mempunyai penyakit yang serius. Keadaan ini menyebabkan salah tafsir terhadap satu atau lebih mengenai tanda-tanda penyakit yang dialami, contohnya “ Saya sakit kepala, saya mesti mempunyai tumor otak.”

Menurut Pinsky dan Young (2009) individu yang mempunyai penyakit jiwa iaitu “*Narcissistic Personality Disorder (NPD)*” bukanlah disebabkan oleh perasaan cinta terhadap diri sendiri, tetapi individu tersebut gagal mengenali dirinya sendiri dan adakalanya sering dibayangi oleh perasaan yang kronik iaitu kesunyian, kekosongan, membenci diri sendiri, mereka rasa tidak suka meninggi diri dan bersungguh-sungguh untuk diri mereka sendiri yang bertujuan untuk menggantikan sesuatu yang dirasai bernilai dan didorong oleh kepentingan orang lain. Selain itu, menurut mereka lagi terdapat tujuh tanda yang berkaitan dengan penyakit “*Narcassism*” ini iaitu “*Authority, Entitlement, Exhibitionism, Exploitativeness, Self-Sufficiency, Superiority dan Vanity*”.